



**KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP KEBERKESANAN
PENGUNAAN HERBA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU DI
ZON TENGAH, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMMAD HANNAN BIN ABDUL AZIZ

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Januari 2023

FEM 2023 10

Semua bahan yang terkandung di dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP KEBERKESANAN
PENGUNAAN HERBA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU DI
ZON TENGAH, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MUHAMMAD HANNAN BIN ABDUL AZIZ

Januari 2023

Pengerusi : Ahmad Nasir Mohd Yusoff, PhD
Fakulti : Fakulti Ekologi Manusia

Kefahaman masyarakat Melayu terhadap keberkesanan penggunaan herba dalam rawatan telah menjadi perbincangan yang berkembang pesat dari masa ke semasa. Kaedah rawatan berdasarkan herba telah memberikan impak positif kepada kehidupan manusia. Walaupun begitu, terdapat sebahagian masyarakat Melayu yang masih keliru mengenai fungsi dan manfaat perubatan tradisional, serta terdapat penyakit yang tidak dapat diubati melalui perubatan moden tetapi sembuh melalui kaedah perubatan tradisional Melayu. Di Malaysia, perawatan herba masih belum dianggap sepenuhnya sebagai komponen utama dalam kaedah rawatan kesihatan, dan kurangnya penyelidikan tentang tumbuhan herba dalam negara ini berbanding dengan kajian yang dilakukan di luar negara. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penggunaan serta jenis-jenis herba dalam perubatan Melayu tradisional Di Zon Tengah Daerah Selangor, mengetahui kefahaman masyarakat menurut perspektif perubatan tradisional Melayu dan menganalisis kefahaman masyarakat Melayu melalui tanggapan keberkesanan penggunaan herba daripada latar belakang responden yang berbeza. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam pelaksanaan kajian ini, melibatkan kajian literatur, penyelidikan perpustakaan, soal selidik, temu bual, dan edaran soal selidik kepada 327 responden. Kajian ini juga menggunakan pensampelan rawak dan data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 25. Pendekatan Theory Of Planned Behaviour digunakan untuk merangkumi elemen keinginan, amalan, tanggapan, norma subjektif, dan kawalan perbuatan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa herba dalam rawatan berfungsi sebagai penyembuh penyakit fizikal dan jasmani. Penggunaan herba juga memiliki nilai perubatan yang tinggi dan memberikan sumbangan yang setara dengan institusi perubatan moden yang sedia ada.

Penggunaan Herba, Penjagaan Kesihatan, Afektif, Daerah Selangor

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**SOCIETY UNDERSTANDING ON THE EFFECTIVENESS OF USING HERBS
IN MALAY TRADITIONAL MEDICINE IN THE CENTRAL ZONE,
SELANGOR, MALAYSIA**

By

MUHAMMAD HANNAN BIN ABDUL AZIZ

January 2023

Chair : Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff, PhD
Faculty : Faculty of Human Ecology

The understanding of the Malay community regarding the effectiveness of herbal usage in treatments has been a rapidly evolving discussion over time. Herbal-based treatments have had a positive impact on human life. However, there is still confusion among some Malaysians regarding the functions and benefits of traditional medicine. Additionally, there are diseases that cannot be cured through modern medicine but find healing through traditional Malay medicinal methods. In Malaysia, herbal treatments are still not fully recognized as a primary component of healthcare, and there is a lack of research on herbal plants compared to studies conducted outside the country. This study aims to identify the factors of usage and types of herbs in traditional Malay medicine in the Central Zone of Selangor District, understand the community's understanding from the perspective of traditional Malay medicine, and analyze the understanding of the Malay community through perceptions of the effectiveness of herb usage based on different respondent backgrounds. The study utilizes both qualitative and quantitative approaches, involving literature review, library research, questionnaires, interviews, and distribution of surveys to 327 respondents. Random sampling is employed, and data is analyzed using IBM SPSS Statistics 25 software. The Theory of Planned Behaviour is adopted as an approach, encompassing elements of desire, practice, perception, subjective norms, and behavioral control. The findings of this study indicate that herbs in treatments serve as healers for physical and bodily ailments. The usage of herbs holds significant medicinal value and contributes to the field of medicine on par with existing modern medical institutions.

Herb Use, Health Care, Effectiveness, Selangor District

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi Segala Pujian Atas Limpahan dan Kurnia Allah S.W.T Tuhan Seluruh Alam. Selawat dan Salam Ke Atas junjungan Nabi Muhammad SAW.

Pertama sekali, sekalung penghargaan diucapkan kepada seluruh ahli keluarga saya khususnya, Ayahandaku Abdul Aziz Bin Che Soh dan Bondaku Patimah Binti Che-Ait yang tercinta. Tiada yang dapat dibicarakan, hanya berharap doamu dapat mengiringi setiap langkah perjalanan hidup yang dilalui oleh anakandamu ini. Dan kini, harapanmu untuk melihat anakandamu ini berjaya telahku tunaikan. Terima kasih atas segala doa dan harapan yang telah dititipkan di setiap bait doamu dan hanya ALAH SWT sahaja yang dapat membalas segala pengorbanan Ayahanda dan Bonda dalam mendidikku menjadi seorang insan yang berguna.

Begitu juga penghargaan yang sama saya diucapkan kepada pensyarah yang disanjung, terutama buat Dr. Hj Ahmad Nasir Bin Yusoff dan penyelia bersama Prof. Madya. Dr. Mohamad Maulana Magiman, di atas segala bimbingan dan ilmu yang dicurahkan, akan anak didikmu gunakan dan manfaatkan ke jalan yang di berkati oleh-Nya. Juga penghargaan dan terima kasih diucapkan buat sahabat-sahabat handai yang tidak pernah jemu-jemu memberi semangat, pertolongan serta tunjuk ajar tanpa mengira masa dan waktu.

Tidak dilupakan juga untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak fakulti dan jabatan terutamanya staf-staf pegawai yang bertugas di pejabat timbalan dekan siswazah dan pejabat sekolah siswazah yang turut sering memberi panduan serta peringatan kepada saya dari masa ke semasa. Juga jutaan terima kasih kepada pihak WAZAN UPM atas kesetiaan dan kesediaan membantu menyediakan kewangan sepanjang pengajian saya bermula zaman ijazah sarjana muda hingga peringkat master.

Akhir sekali saya abadikan ucapan penghargaan ini kepada semua pihak yang terlibat. Insya- Allah usaha ini tidak terhenti sehingga setakat ini, malah ini merupakan langkah permulaan dalam usaha kecil dalam menyumbang bakti kepada masyarakat dan akan meneruskan lagi jejak langkah ini ke tahap yang seterusnya, untuk saya terus menuntut ilmu demi mengapai impian, cita-cita serta berjaya di dunia dan akhirat. insya-Allah.

Sekian, Wassalam.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hj Ahmad Nasir Bin Mohd Yusoff, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohamad Maulana Magiman, PhD

Profesor Madya dan Dekan
Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains Universiti Putra Malaysia
(Bintulu Kampus)
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Oktober 2023

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
 BAB	
 1 PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Malsalah	3
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Keberkesanan	9
1.8.2 Kefahaman	9
1.8.3 Herba	9
1.8.4 Perubatan Tradisional	10
1.8.5 Masyarakat Melayu	11
1.9 Kerangka Konseptual	13
1.10 Rumusan	14
 2 SOROTAN LITERATUL	 15
2.1 Pengenalan	15
2.1.1 Sejarah Perubatan Tradisional Melayu	15
2.2.1 Penggunaan Herba Dalam Perubatan	16
2.3 Rawatan Berasaskan Tumbuhan Herba	17
3.4 Keberkesanan Penggunaan Herba Dalam Perubatan	21
2.5 Rumusan	27
 3 METODOLOGI	 29
3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.3 Populasi Kajian	29
3.4 kualitatif dan Kuantitatif	31
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	31
3.5.1 Sampel Kajian	32
3.5.2 Temu Bual	32
3.5.3 Elemen Teori Terancang	33

3.5.4	Instrumen Kajian	34
3.5.5	Ujian Rintis	35
3.5.6	Kesahan Instrumen	35
3.5.7	Kriteria Pensampelan	36
3.6	Penganalisis Data	36
3.7	Rumusan	37
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	38
4.1	Pengenalan	38
4.2	Profil Demografi Responden	39
4.3	Analisis Deskriptif	42
4.3.1	Penggunaan Jenis-Jenis Herba Dalam Perubatan	42
4.4	Faktor-faktor Penggunaan Herba Dalam Masyarakat	48
4.4.1	Unsur Norma Subjektif Dalam Masyarakat Terhadap Amalan Rawatan Tradisional	48
4.4.2	Unsur Keinginan (Niat) Dalam Masyarakat Terhadap Amalan Rawatan Tradisional	49
4.4.3	Unsur Sikap Terhadap Tingkah Laku Masyarakat Kepada Amalan Tradisional	50
4.4.4	Unsur Persepsi tentang Kawalan Masyarakat Kepada Rawatan Tradisional	51
4.4.5	Unsur Kawalan Perilaku Dalam Masyarakat Terhadap Amalan Rawatan Tradisional	52
4.5	Mengetahui Kefahaman Masyarakat Menurut Perspektif Perubatan Tradisional Melayu	84
4.5.1	Kefahaman Masyarakat Melalui Persepsi Terhadap Perubatan Tradisional Melayu	88
4.6	Analisis Ujian-T dan ANOVA	92
4.6.1	Perbezaan Masyarakat Melalui Tanggapan Keberkesanan perubatan Tradisional Daripada Latar Belakang Responden Yang Berbeza	92
4.6.1.1	Perbezaan Tanggapan Masyarakat Melalui Tanggapan Keberkesanan Perubatan Daripada Jantina Yang Berbeza	92
4.6.1.2	Perbezaan Kefahaman Melalui Tanggapan Masyarakat Terhadap Keberkesanan Herba Daripada Peringkat Umur Yang Berbeza	93
4.6.1.3	Perbezaan Kefahaman Melalui Tanggapan Masyarakat Terhadap keberkesanan Herba Daripada Status Pendidikan Yang Berbeza	94
4.6.1.4	Perbezaan kefahaman Melalui Tanggapan Masyarakat Terhadap Keberkesanan Herba Daripada Klasifikasi Pekerjaan Yang Berbeza	95
4.6.1.5	Perbezaan Kefahaman Masyarakat Melalui Tanggapan Terhadap Keberkesanan Herba	96

	Daripada Pendapatan Isi Rumah Yang Berbeza	
4.7	Rumusan	97
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	98
5.1	Pengenalan	98
5.2	Rumusan Kajian	98
5.3	Implikasi Kajian	99
5.4	Cadangan dan Penyelidikan Masa Akan Datang	99
5.5	Rumusan	100
	RUJUKAN	101
	LAMPIRAN	115
	BIODATA PELAJAR	126
	SENARAI PENERBITAN	127

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	30
3.2 Jadual Kebolehpercayaan Alatan Kajian	36
3.3 Jadual Profil Demografi Responden (n=327)	39
3.4 Jadual Hasil Analisis Deskriptif untuk Peratusan Jenis-jenis Penggunaan Herba Dalam Kalangan Masyarakat, Daerah Selangor	42
3.5 Jadual Tiga Kategori Herba (Herba Perumahan, Herba Liar, Herba luar Negara) Dalam Kalangan Masyarakat di Daerah Selangor.	43
3.5 Jadual Hasil Analisis Deskriptif untuk Peratusan Mod Penerimaan Maklumat Rawatan Tradisional Mengikut Responden	53
3.6 Jadual Hasil Analisis Deskriptif untuk Peratusan Tahap Kefahaman dan Pengetahuan tentang Herba dalam Kalangan Masyarakat di Zon Tengah, Daerah Selangor	55
3.7 Jadual Hasil Analisis Deskriptif untuk Peratusan Taburan Responden Mengikut Jangka Masa Kesembuhan Masalah Kesihatan	57
3.8 Jadual Maklumat berkaitan Tiga kategori Herba (Herba Perumahan, Herba liar, Herba luar Negara)	62
3.9 Jadual Tanggapan Masyarakat Terhadap Keberkesanan Penggunaan Herba	84
4.0 Jadual Norma Subjektif Terhadap Perubatan Berasaskan Tumbuhan Herba	85
4.1 Jadual Menentukan Kefahaman Masyarakat Terhadap Persepsi Kaedah Rawatan	90
4.2 Jadual Hasil Analisis Perbezaan Kefahaman Melalui Tanggapan Masyarakat Terhadap Keberkesanan Herba daripada Jantina yang Berbeza	93
4.3 Jadual Hasil Analisis Perbezaan Kefahaman Melalui Tanggapan Masyarakat Terhadap Keberkesanan Herba daripada Peringkat Umur yang Berbeza	94

4.4	Jadual Hasil Analisis Perbezaan Kefahaman Masyarakat Melalui Tanggapan Terhadap Keberkesanan Herba daripada Status Pendidikan yang Berbeza	95
4.5	Jadual Hasil Analisis Perbezaan Kefahaman Masyarakat Melalui Tanggapan Terhadap Keberkesanan Herba daripada Klasifikasi Pekerjaan yang Berbeza	95
	Jadual Hasil Analisis Perbezaan Kefahaman Masyarakat Melalui Tanggapan Terhadap Keberkesanan Herba daripada Pendapatan Isi Rumah yang Berbeza	97



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Konseptual	13
2.2	<i>Theory of Planned Behavior</i>	34
2.3	Carta Aliran Penggunaan Herba untuk Kesembuhan Penyakit	37
2.4	Rajah Kedudukan Negeri Selangor Dalam Peta Malaysia	123
2.5	Statistik Penggunaan Media Sosial 60saat Perminit Tahun 2021	123

SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
HPUPM	Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia
WHO	World Health Organisation
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
ANOVA	Analysis of Variance Test
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PTK	Perubatan Tradisional Komplementari
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
WIPO	World Intellectual Property Organization

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengidentifikasi faktor-faktor dan jenis-jenis herba, serta menganalisis pemahaman masyarakat mengenai keberkesanan penggunaan herba berdasarkan perspektif tradisional Melayu di Zon Tengah, Daerah Selangor, Malaysia. Bab 1 akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, kerangka konseptual, dan kesimpulan. Kajian ini memiliki tiga objektif utama yang menjadi matlamat penyelidikan. Secara keseluruhan, kajian ini akan membincangkan faktor penggunaan herba dan jenis-jenis herba, mengetahui kefahaman masyarakat tentang kaedah rawatan herba, dan menganalisis kefahaman masyarakat terhadap keberkesanan herba dalam rawatan penyakit.

Perbincangan mengenai penggunaan herba dalam rawatan merupakan suatu perkara yang penting dan terus berkembang dari masa ke semasa. Amalan ini merupakan kepercayaan dan praktik yang telah berakar dalam masyarakat Melayu sejak dahulu hingga generasi kini. Dalam mengikuti perkembangan zaman, amalan perubatan tetap menjadi aspek yang penting bagi masyarakat. Namun, dalam konteks kemajuan dan perkembangan teknologi serta ilmu sains dalam bidang perubatan, peranan perubatan tradisional Melayu menjadi fenomena yang penting dalam menentukan kemajuan rawatan dan penggunaan ubat-ubatan dalam perubatan moden. Meskipun begitu, yang lebih penting adalah bahawa perubatan dari perspektif tradisional Melayu ini tidak ditinggalkan oleh gelombang pemodenan, malah menjadi kaedah rawatan alternatif bagi penyembuhan pelbagai penyakit, terutama bagi mereka yang belum mendapat penawar dalam perubatan moden.

Penggunaan herba dalam rawatan di Zon Tengah Daerah Selangor adalah selaras dengan keberadaan manusia dan masyarakat tempatan di sekitarnya. Setiap tumbuhan herba memiliki khasiat yang diketahui oleh penduduk setempat, berdasarkan pengalaman nenek moyang mereka. Seperti yang kita ketahui, masyarakat Melayu telah lama mengamalkan kaedah rawatan berdasarkan penggunaan tumbuhan herba, baik yang ditemui di hutan, sekitar kawasan, atau yang ditanam secara khusus untuk tujuan perubatan tradisional. Keberkesanan herba menawarkan pelbagai manfaat dan khasiat sebagai ubat mujarab untuk merawat penyakit. Penggunaan herba dapat dilakukan melalui pemakanan atau dalam bentuk penggunaan luar seperti sapuan dan sebagainya. Ini merupakan amalan tradisional yang diwarisi oleh masyarakat terdahulu, yang bertujuan menjaga kesihatan dan keseimbangan tubuh. Dengan demikian, budaya pengobatan Melayu berasaskan herba mencerminkan interaksi yang saling terkait antara keperluan manusia dengan alam, khususnya dalam bidang perubatan tradisional.

1.2 Latar Belakang kajian

Seterusnya, Kira-kira 10% atau sekitar 30,000 spesies tumbuhan digunakan untuk tujuan perubatan di seluruh dunia, dengan 65 spesies di antaranya ditemui di Asia (Farnsworth & Soejarto, 1991; Wantanabe, 2000). Perubatan tradisional adalah bentuk penjagaan kesihatan yang diamalkan oleh generasi terdahulu, termasuk bomoh, bidan, dukun, singseh (Cina), pengamal ayurveda (India), dan orang asli. Dalam masyarakat kini, terdapat individu yang memiliki pengetahuan dan kemampuan khusus dalam merawat penyakit menggunakan herba dan tumbuhan sebagai ubat tradisional. Tumbuhan herba memiliki khasiat yang khusus, kerana mengandungi bahan fitokimia seperti minyak pati, flavonoid, alkaloid, glikosida, dan steroid.

Meskipun perubatan moden dan pendekatan medis memiliki keberkesanan dan kepercayaan yang luas dalam merawat penyakit, tidak seharusnya mengabaikan perubatan tradisional yang memiliki kelebihan dalam praktikal dan penggunaan tumbuhan herba. Walaupun begitu, rawatan berbentuk perubatan tradisional yang memiliki kelebihan dari aspek amalan dan penggunaan herba-herba juga tidak wajar dipinggirkan dan ia harus diketengahkan lagi, Misalnya kajian yang dilaksanakan oleh Jurry et al. (2014) telah menjelaskan konsep kelestarian alam sekitar terutama tumbuhan herba yang berpotensi untuk memenuhi keperluan dan permintaan dalam bidang kesihatan yang dijangka terus meningkat di masa hadapan.

Prosedur perubatan tradisional telah menjadi sebahagian daripada warisan dan tradisi turun temurun yang diwarisi oleh masyarakat Melayu. Menurut Albayuni (2009), sistem perubatan tradisional kekal relevan dalam era globalisasi ini, malah beberapa bentuk perubatan tradisional telah terbukti lebih berkesan daripada perubatan moden. Haliza Mohd (2005) juga menyatakan bahawa perubatan tradisional Melayu mempunyai prinsip yang unik, dan beliau menyentuh tentang asal usul perubatan Melayu tradisional, peranan pengamal perubatan, dan falsafah perubatan Melayu dalam kehidupan seharian. Falsafah kesihatan dan kaitannya dengan Islam merupakan prinsip asas masyarakat dan amalan rawatan seperti bomoh, penggunaan akar kayu, amalan perbomohan moden, serta realiti penyakit dan faktor penghalang dalam perubatan Melayu.

Rawatan yang digunakan tidak hanya melibatkan tumbuh-tumbuhan, tetapi juga melibatkan penggunaan haiwan dan binatang, yang memiliki nilai perubatan. Penggunaan sumber ubat-ubatan dari zaman dahulu hingga kini masih dipegang oleh sebahagian masyarakat. Perubatan tradisional adalah kaedah yang digunakan untuk menyembuhkan penyakit dan menjaga kesihatan tubuh badan, baik melalui penggunaan luaran seperti disapu atau melalui penggunaan dalaman seperti dimakan. Oleh itu, penting untuk memahami bahawa perubatan tradisional merupakan suatu tradisi yang merupakan gaya hidup dan amalan dalam masyarakat Melayu. Hamid (2012:153) mendefinisikan perubatan tradisional Melayu sebagai himpunan amalan yang dicipta untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh individu dalam keadaan sihat atau ketika uzur, dan sebahagian masyarakat cenderung mengamalkan cara hidup ini turun-temurun. Selain itu, perubatan tradisional merangkumi kaedah dan amalan yang dicipta oleh nenek moyang untuk menghadapi masalah penyakit terutama dalam

konteks kesihatan tubuh badan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pemahaman tentang keberkesanan penggunaan herba menurut perspektif perubatan tradisional. Penelitian yang mendalam dilakukan dalam kajian ini akan membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan manfaat yang dapat diperoleh daripada penggunaan herba dalam rawatan.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubatan tradisional Melayu adalah sebuah bentuk perubatan alternatif yang melengkapi perubatan moden. Perbincangan mengenai hal ini tidak bermaksud untuk bersaing atau bertentangan dengan perubatan moden yang telah ada. Sebaliknya, penting untuk menegaskan bahawa perubatan tradisional Melayu, terutamanya melalui penggunaan tumbuhan herba, merupakan pelengkap kepada kekurangan yang terdapat dalam perubatan moden. Terkadang, terdapat penyakit yang tidak dapat disembuhkan dengan menggunakan perubatan moden, tetapi dengan izin Allah, dapat diubati melalui pendekatan perubatan tradisional Melayu. Menurut Baharudin Abu (2019) mendapati masih terdapat individu yang berasa keliru tentang peranan perubatan tradisional Melayu. Dalam konteks ini, terdapat beberapa lapisan masyarakat yang tidak pasti tentang keberkesanan dan keselamatan ubat-ubatan tradisional yang digunakan. Kurangnya pendedahan tentang peranan terapi ini dalam masyarakat, terutama dalam hal jenis tumbuhan herba, khasiat dan fungsinya, dan lain-lain, mungkin menjadi penyebabnya. Dalam era perubahan ini, pandangan masyarakat terhadap perubatan tradisional kurang meyakinkan berhubung kaedah penggunaan dan kesan rawatan tradisional terhadap penyembuhan penyakit dan kesihatan. Namun, kebanyakan masyarakat Melayu masih kurang pasti tentang kebaikan dan tujuan penggunaan herba, juga disebabkan kurangnya maklumat tentang penggunaan herba dalam rawatan penyakit.

Kurangnya pendedahan dan keyakinan terhadap rawatan tradisional Melayu menyebabkan masyarakat pada era global ini kurang memahami peranan pentingnya. Karim (2018) telah menunjukkan perbezaan yang ketara antara perubatan tradisional dan moden. Namun, kekhawatiran timbul atas nasib masyarakat yang menjadi mangsa perkembangan ini dan tidak menyedari manfaat perubatan tradisional Melayu. Hal ini disebabkan pendedahan dan kepercayaan masyarakat kurang terhadap rawatan tradisional. Selain itu, mereka juga menghadapi kesulitan dalam mendapatkan perkhidmatan rawatan tradisional Melayu, terutama dengan kemajuan teknologi dan ubat-ubatan dalam perubatan moden. Selain itu, kajian ini juga boleh diperkukuhkan dengan penelitian yang lebih mendalam untuk membincangkan dapatan penyelidikan dengan lebih jelas dan mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Khususnya, penting bagi golongan masyarakat untuk memahami kepentingan perubatan tradisional dan mengubah persepsi negatif mereka tentang perubatan tradisional Melayu dalam bidang perubatan.

Penggunaan herba dalam menjaga kesihatan menurut perspektif tradisional perlu dikekalkan sejajar dengan kemajuan teknologi perubatan yang terkini. Rukyah (jampi) adalah salah satu kaedah perubatan Islam yang diamalkan dalam perubatan tradisional

Melayu, seperti yang dinyatakan oleh Deuraseh & Lateh (2011). Al-Quran sendiri menyentuh makna 'syifa' yang bermaksud petunjuk yang meliputi makna umum dan juga makna khusus. Makna umum merujuk kepada keseluruhan isi Al-Quran, termasuk surah, ayat, dan huruf-huruf yang mempunyai keajaiban sebagai penyembuh dan penawar. Pengamal perubatan tradisional Melayu bukanlah bomoh atau dukun, tetapi mereka menggunakan kaedah perubatan alternatif yang sejalan dengan ajaran Islam. Abu (2019) menyatakan bahawa perubatan tradisional Melayu adalah warisan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Ia juga menggunakan ayat suci Al-Quran sebagai aspek penting dalam pengamalannya. Selain itu, penggunaan tumbuhan herba juga merupakan amalan yang kerap dilakukan dalam perubatan tradisional Melayu, dengan kira-kira 13,000 jenis herba yang diketahui.

Menurut Ahmad (2019) menyatakan cabaran dari perspektif global dalam mengiktiraf perubatan sebagai komponen penting dalam penyembuhan penyakit. Pelaksanaan dan penyampaian perubatan tradisional masih belum seragam di rantau Melayu ini, kerana generasi kini lebih cenderung untuk mengamalkan perubatan moden yang bersandarkan kepada kemajuan teknologi dan sains dalam penggunaan ubat-ubatan moden. Walaupun perubatan tradisional telah lama wujud dan mengikuti perkembangan teori, pada hakikatnya, ia masih tidak mampu memberikan pendekatan rawatan yang menyeluruh, termasuk keberkesanan keseluruhan herba, perkhidmatan perubatan, dan pandangan masyarakat terhadap perubatan herba. Ini seolah-olah menjadi penghalang untuk menyedari bahawa kaedah tradisional ini sebenarnya perlu diiktiraf kerana mempunyai keupayaan untuk menyembuh pelbagai penyakit.

Rawatan tradisional masih tidak memberikan sepenuhnya aspek yang dinyatakan sebelum ini. Sebagai contoh, dalam konteks rawatan herba untuk ibu hamil, amalan seperti merebus, mendinding, membongkok, dan mengurut mestilah seimbang. Walau bagaimanapun, model kesihatan yang dipengaruhi oleh pendekatan Barat telah merangkumi aspek seperti diagnosis, rawatan, dan pencegahan penyakit. Kesan perkembangan dalam era modenisasi telah menjejaskan budaya, tradisi, dan amalan perubatan tradisional tempatan di mana amalan ini tidak lagi menjadi keutamaan dalam bidang perubatan dan tidak lagi menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia seperti yang diamalkan oleh generasi terdahulu (Ibrahim, 2003). Hal ini berpotensi menyebabkan kepupusan amalan tradisi yang jelas merugikan pelbagai pihak khususnya masyarakat Melayu. Selain itu, kepupusan biodiversiti juga mungkin berlaku disebabkan kurangnya penanaman tumbuhan herba yang disebabkan oleh kurangnya pengetahuan masyarakat tentang kebaikan, keberkesanan, dan fungsi penggunaan tumbuhan herba yang terdapat di rantau Melayu.

Disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Hasbullah & Hassan (2017) dengan tajuk Amalan Perubatan Herba dan Keseimbangan Humoral dalam Penjagaan Kesihatan

Selepas Bersalin Wanita Melayu, perspektif budaya dan perubatan yang memfokuskan kepada proses kelahiran menunjukkan perubahan emosi dan fisiologi pada wanita. Perubahan ini selalunya membawa implikasi dalam bentuk penyakit yang biasa dialami oleh wanita baik dari segi fizikal, emosi dan rohani yang boleh menjejaskan kesihatan fizikal dan mental ibu. Menurut bidan kampung yang kami temui, terdapat beberapa penyakit dan gangguan yang boleh dihadapi setiap wanita selepas bersalin dan dalam tempoh berpantang, dan ini menjadi kebimbangan setiap wanita.

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang rapat antara unsur humor Melayu dengan wanita Melayu yang berada dalam fasa berpantang. Oleh itu, sistem humor Melayu masih sangat relevan dengan pegangan dan kefahaman masyarakat setempat yang melibatkan aspek keagamaan dan sosial dalam konsep demam. Konsep ini adalah naturalistik dan personalistik, dan memerlukan pendekatan rawatan yang sesuai. Melalui kajian ini, pengkaji berhasrat untuk menentukan keberkesanan penggunaan herba dalam menjaga kesihatan mengikut perspektif perubatan tradisional. Kajian mengenai isu ini amat penting, justeru pengkaji menjalankan siasatan untuk melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan herba dalam menangani masalah yang dialami oleh ibu hamil.

Tambahan pula, terdapat bukti yang menunjukkan keberkesanan penggunaan herba dalam perubatan tradisional Melayu. Dalam penyiasatan ini, pengkaji telah memfokuskan kepada keberkesanan penggunaan herba dalam rawatan mengikut perspektif perubatan tradisional Melayu. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah literatur, kajian lapangan, dan melibatkan sesi soal jawab dan temu bual, di samping mengumpul data melalui kaedah kuantitatif. Pengumpulan data dan pemprosesan data, seperti yang dijelaskan oleh Taylor & Bogdan (1984), melibatkan perbincangan yang mendalam. Proses temu bual ini melibatkan pertemuan berulang antara penyelidik dan subjek kajian, bertujuan untuk memahami pandangan subjek kajian berkenaan pengalaman hidup dan situasi sosial yang diungkapkan dalam bahasa sendiri. Kajian ini bertujuan untuk membentangkan tahap kefahaman tentang keberkesanan penggunaan herba di negeri Selangor sahaja. Ini berikutan kurangnya kajian yang dijalankan terhadap tumbuhan herba di negara Selangor.

1.4 Objektif Kajian

Berikut dikemukakan beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini:

1. Mengenal pasti faktor-faktor penggunaan serta jenis-jenis herba dalam perubatan Melayu tradisional Di Zon Tengah Daerah Selangor.
2. Mengetahui kefahaman masyarakat menurut perspektif perubatan tradisional Melayu.
3. Menganalisis kefahaman masyarakat Melayu melalui tanggapan keberkesanan penggunaan herba daripada latar belakang responden yang berbeza.

1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor dan jenis-jenis herba yang digunakan dalam rawatan menurut tradisional Melayu di Zon Tengah Daerah Selangor?
2. Sejauh manakah kefahaman masyarakat menurut perspektif perubatan tradisional Melayu?
3. Adakah terdapat perbezaan kefahaman melalui tanggapan keberkesanan penggunaan herba daripada latar belakang responden yang berbeza?

1.6 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis yang dilaksanakan sebagaimana berikut:

Ho1: Faktor penggunaan jenis-jenis herba dalam masyarakat Melayu dalam perubatan.

Ho2: Mengetahui kefahaman masyarakat terhadap perubatan tradisional Melayu.

Ho3: Perbezaan kefahaman masyarakat melalui tanggapan keberkesanan terhadap penggunaan herba dalam perubatan tradisional Melayu..

1.7 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, perlu dilakukan pembaharuan dan peningkatan untuk menjadikannya sebagai kajian yang memberikan impak besar serta memberikan maklumat dan pengetahuan baru kepada masyarakat. Hal ini sangat penting untuk memastikan perkembangan ilmu pengetahuan terus maju di dunia yang penuh dengan cabaran ini. Oleh itu, kajian ini memiliki kepentingan yang besar dalam

memperoleh maklumat tentang kefahaman masyarakat dan keberkesanan penggunaan herba dalam penyembuhan penyakit menurut perspektif perubatan tradisional Melayu. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menjadi panduan dalam bidang perubatan, terutama dalam penggunaan jenis-jenis herba dan rawatan yang masih diamalkan dalam masyarakat. Kajian ini juga penting untuk melihat jenis-jenis herba, kaedah-kaedah rawatan yang digunakan, serta manfaat dan khasiat herba yang berperanan dalam merawat pelbagai jenis penyakit. Dengan melakukan kajian ini, diharapkan dapat memberikan sumbangan yang berharga serta memperkaya pengetahuan tentang perubatan tradisional Melayu dan memberikan panduan yang berguna bagi masyarakat tentang kaedah rawatan tradisional dengan menggunakan herba secara efektif.

Hasil dapatan kajian yang diperolehi dapat menyumbang ilmu dalam bidang perubatan secara ilmiah. Hal ini demikian Perkembangan kepada industri dalam bidang ilmu perubatan yang membuktikan penggunaan herba dan tumbuh-tumbuhan sebagai keperluan yang amat penting. Kepada golongan muda perlu mengangkat kembali ilmu-ilmu perubatan tradisional kepada masyarakat pada generasi hari ini. Pertama: kepada perawat-perawat pengubatan Islam dan pengamal perubatan tradisional. Kedua: komuniti setempat yang mana akan menjadi bahan bacaan dan rujukan tentang setiap kesan penggunaan herba itu ada keistimewaan yang tersendiri. Ketiga: membantu untuk rawatan alopati atau moden ini kerana perubatan tradisional dan perubatan moden saling lengkap melengkapi satu sama untuk menghasilkan bahan ubat-ubatan yang mampu memberi kesembuhan berkesan kepada sebarang penyakit. Keempat: kepada penyelidik iaitu perubatan herba dan tumbuh-tumbuhan yang menjadi sorotan dan bahan untuk kajian yang akan datang supaya dapat menghasilkan kajian lebih teliti dan berkembang mengenai herba-herba berkenaan.

Kelima: kajian yang telah dilaksanakan ini dapat menjadi tambahan bahan bacaan dalam perubatan herba di pasaran dan rujukan, ini kerana tidak banyak pengkaji-pengkaji yang mengkajinya serta menjadi fokus penting di peringkat Universiti Putra Malaysia, Serdang terutama menumpukan pada pendidikan dan penyelidikan iaitu peranan lebih banyak dalam bidang herba kepada penjagaan kesihatan. Ketujuh: keilmuan iaitu dapat memperbetulkan kaedah rawatan yang salah kepada ilmiah atau yang melanggar hukum Islam kepada mengikuti panduan syariat yang dibenarkan seperti mana yang telah digariskan. Bahkan, pada masa yang sama dapat menjadi perbincangan yang lebih teliti dan mendalam dengan orang-orang lama yang pakar untuk terlibat sama dalam rawatan tradisional dan akhirnya membentuk sebuah masyarakat yang harmoni. Selain itu, kajian turut berperanan dalam perkembangan kepada industri dalam bidang ilmu perubatan yang membuktikan herba dan tumbuh-tumbuhan sebagai keperluan yang amat penting kepada kesejahteraan kesihatan masyarakat. Antaranya masyarakat dapat mengenali jenis-jenis herba secara teliti dan secara saintifik yang menyumbang kepada pengetahuan dan keyakinan tentang keberkesanan herba dalam pengubatan penyakit kepada setiap lapisan masyarakat. Seterusnya, hasil dapatan kajian yang diperolehi dapat menyumbang ilmu dalam bidang perubatan secara ilmiah.

Kajian ini dapat menyumbang kepada suatu penemuan baru yang memfokuskan kepada aspek kefahaman masyarakat dan keberkesanan jenis-jenis herba serta kaedah yang digunakan oleh masyarakat sekitar negeri Selangor. Selain itu, akan diperhalusi dengan

lebih mendalam lagi bagi mengisi lompong-lompong daripada kajian-kajian lepas. Khususnya memfokuskan kepada kefahaman masyarakat melalui tanggapan keberkesanan herba menurut perspektif perubatan tradisional Melayu di Malaysia. Oleh itu, sebagai pengkaji berperanan dalam menentukan hala tuju kepada generasi baharu yang kaya dengan ilmu dalam bidang perubatan perlu diperkembangkan lagi. Sebagai panduan kepada penulis agar memasukkan aspek menurut perspektif perubatan tradisional Melayu. Elemen penggunaan herba dalam rawatan tradisional Melayu adalah amat penting melalui penemuan yang lebih kompleks bagi perkembangan ilmu perubatan. Justeru itu, ia seharusnya memperkayakan dan meyakinkan penerimaan masyarakat bahawa penggunaan herba yang mesti dikekalkan hingga ke generasi yang akan datang, sekali gus meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Selain itu, perubatan tradisional berasaskan penggunaan herba berpotensi muncul sebagai kaedah rawatan yang berkesan dalam penjagaan kesihatan manusia. Hasil kajian boleh dimanfaatkan oleh masyarakat melalui penerangan daripada kajian yang dijalankan memfokuskan penggunaan herba sebagai kaedah rawatan yang berkesan menurut perspektif perubatan Islam sebagai panduan penyembuh pelbagai penyakit. Cara pendekatan yang ditonjolkan dalam kajian ini boleh dijadikan penanda aras bagi merawat penyakit. Dalam pada itu, perkara ini juga secara tidak langsung dapat melahirkan generasi yang celik dalam dunia ilmu perubatan tradisional Melayu yang berkaitan dengan penggunaan herba dalam memastikan kesihatan diri terjamin.

Di samping itu, penganalisan yang jelas, terperinci dan tepat tentang sesuatu isu, berserta komen, dapatan dan rumusan yang munasabah yang merangkumi cadangan-cadangan berkaitan juga perlu dilakukan bagi memperkembangkan ilmu pengetahuan di seantero dunia. Sehubungan itu, hasil kajian yang dilakukan mampu membentuk kaedah khusus dalam merawat mereka yang mengalami penyakit tertentu dengan menggunakan tumbuhan herba. Penyelidikan yang dilaksanakan ini juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk membuat silibus atau kes studi terutamanya dalam bidang perubatan, kesihatan, penerimaan dan keberkesanan penggunaan herba terhadap penjagaan kesihatan manusia.

Rumusannya, kajian ini juga memberi manfaat kepada pembaca kerana mengetengahkan pendekatan unik secara lebih mendalam serta membantu pembaca untuk memahami kaedah rawatan yang berfokuskan tumbuhan herba dalam penjagaan kesihatan. Dapatan kajian ini juga dapat memperlihatkan kekuatan, mengisi lompong kajian yang lepas. Seterusnya dapat memberi peluang kepada para pengkaji meneliti kajian ini untuk memperkembangkan lagi kajian pada masa yang akan datang dengan lebih terperinci dan penelitian yang perlu diperhalusi dengan sebaiknya.

1.8 Definisi Operasional

Pemahaman tentang sesuatu konsep dan istilah amat penting demi mengelakkan kekaburan makna. Sejajar dengan itu, konsep dan istilah yang diketengahkan dalam tajuk kajian perlu diberikan pengertian yang tepat dan jelas. Dalam konteks kajian ini,

istilah yang perlu diterangkan ialah herba, penerimaan, keberkesanan, kesihatan, perubatan Islam, perubatan tradisional dan Melayu.

1.8.1 Keberkesanan

Menurut pandangan Hassan (2004), keberkesanan bermaksud tahap kemujaraban secara total yang ingin dicapai. Dalam erti kata lain, keberkesanan memberi erti tahap penerimaan sesuatu konsep atau kaedah pembelajaran ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Mengikut konteks pengkaji pula, keberkesanan ialah tahap penerimaan masyarakat terhadap penggunaan herba sebagai satu kaedah rawatan dalam bidang perubatan yang mempunyai kepentingan dan peranan kepada keperluan hidupan manusia.

1.8.2 Kefahaman

Kefahaman adalah merujuk kepada pengetahuan dalam pemikiran seseorang tentang sesuatu perkara (Kamus Dewan 2010). Menurut Jumali et al. (2012) kefahaman terhadap sesuatu perkara merupakan asas penting dalam meningkatkan pengetahuan seseorang. Kefahaman individu boleh terbina melalui maklumat yang diperolehi, kualiti maklumat dan cara maklumat disampaikan.

1.8.3 Herba

Perkataan herba boleh ditakrifkan sebagai jenis tumbuhan dalam aspek sains botani. Chooi (2004) pula berpendapat bahawa herba merujuk kepada apa-apa jenis tumbuhan yang boleh digunakan sebagai penawar atau pengubat kepada sesuatu masalah kesihatan, termasuklah tumbuhan yang renek atau terlalu berkayu, kulat, alga dan rumpai. Terdapat juga klasifikasi tumbuhan yang berkayu atau sedikit berkayu, berbeza daripada tumbuhan renek atau pokok yang terlalu berkayu. Pergabungan istilah herba dan ubat membina frasa ubat herba yang sering digunakan dalam ilmu perubatan tradisi Alam Melayu yang kaya dengan etnobotani iaitu suatu kajian secara saintifik antara manusia dan tumbuhan.

Herba ialah bahan seperti tumbuhan, garam, batu-batuan atau galian yang mengandungi satu atau beberapa bahan aktif yang dapat digunakan bagi tujuan merawat (Kamus Pelajar). Secara amnya, herba mempunyai ciri seperti tumbuhan vaskular berbij, berbatang lembut dan tidak berkayu. Kebanyakannya juga jenis semusim iaitu hidup satu kitaran musim lengkap sahaja di samping mempunyai kitaran hidup yang pendek seperti bayam, keembung, bunga matahari dan cika emas. Terdapat juga jenis herba saka seperti pisang dan lengkuas (Kamus Dewan Edisi 3) yang batangnya rendah dan tidak berteras. Terdapat juga jenis herba yang daunnya dibuat ubat atau dimakan. Seterusnya, herba ditakrifkan oleh Takrifan Herbalist sebagai tumbuhan yang boleh digunakan sebagai bahan makanan, ubatan dan bahan aroma. Dalam takrifan ini, herba bukanlah tumbuhan yang tumbuh renek sahaja, bahkan pokok

yang berkayu juga boleh di takrifkan sebagai herba jika ada potensi bagi mana-mana tiga kegunaan tersebut.

Menurut World Health Organization (WHO) (2000), herba meliputi semua bahagian mentah tumbuhan seperti daun, bunga, buah-buahan, biji, batang, kayu, kulit kayu, akar rizom atau apa-apa bahagian tumbuhan yang lain. Dalam hal ini, herba boleh merujuk kepada kesemua bahagian tumbuhan atau hanya beberapa bahagian sahaja. Tumbuhan ini juga merupakan komponen yang paling awal digunakan oleh generasi terdahulu yang berkurun lamanya, dalam penjagaan kesihatan. Antara bukti yang menunjukkan bahawa ianya telah digunakan sebagai perubatan tradisional tidak kurang dari 5 alaf yang lalu (Goldman, 2001). Malahan pada sekurun yang lalu, menurut Vickers & Zollman (2001), kebanyakan dadah yang berkesan dalam perubatan alopatic adalah berasaskan tumbuhan seperti morfin yang diperbuat daripada pokok poppy dan aspirin yang berasal daripada batang pokok *Salix sp.*). Namun, perubatan moden atau alopatic lebih memberi penekanan kepada kesan bioaktiviti herba ke atas sistem tubuh sebagai agen anti inflamasi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, perbezaan yang ketara dalam cara penggunaan herba dapat diperhatikan dalam amalan perubatan alopatic (herba digunakan dalam bentuk ekstrak) dan perubatan tradisional (tumbuhan dalam bentuk asal digunakan). Secara jelasnya, tumbuhan digunakan tanpa menjalani proses penulenan atau pengekstrakan dalam perubatan tradisional. Seterusnya, pencampuran beberapa jenis herba adalah satu perkara biasa dalam perubatan tradisional adalah perkara biasa kerana aktiviti ini dianggap dapat memberi kesan rawatan yang lebih efektif (Vickers et al., 2001). Justeru itu, terdapat banyak produk herba yang dihasilkan menggunakan campuran daripada pelbagai tumbuhan herba (Silvanathan & Low, 2014). Seterusnya, perubatan moden yang hadir dalam bentuk yang lebih mesra pengguna seperti kapsul dan pil menarik lebih ramai manusia untuk memilihnya sebagai mod perubatan berbanding tumbuhan herba yang sebahagiannya perlu direbus atau diproses terlebih dahulu sebelum boleh dikonsumsi.

1.8.4 Perubatan Tradisional

Menurut Riji (1999), perubatan tradisional ialah satu sistem budaya yang berlandaskan kepercayaan, pengetahuan, dan amalan yang berkait rapat dengan kesejahteraan kehidupan dalam sebuah komuniti. Di samping itu, sistem ini juga merangkumi rawatan fizikal, cara pengambilan dan penggunaan herba, bacaan tertentu, pantang larang dan petua-petua (Jamal et al., 2011). Semua aspek ini mempunyai matlamat dalam mencegah dan merawat penyakit, serta menjaga kesihatan. Selain itu, perubatan tradisional juga boleh dirujuk sebagai sebarang bentuk pendekatan terhadap penjagaan kesihatan yang meliputi tumbuh-tumbuhan, haiwan, mineral, terapi spiritual, teknik-teknik manual dan akhir sekali senaman yang boleh diaplikasikan secara solo atau gabungan dengan tujuan merawat dan mencegah penyakit, serta mengekalkan kesihatan (WHO Traditional Medicine Strategy, 2002–2005).

World Health Organization (WHO) (2000) juga telah mendefinisikan perubatan tradisional sebagai sekumpulan pengetahuan, kemahiran atau amalan-amalan yang berlandaskan teori, kepercayaan dan pengalaman yang berasal daripada budaya yang berbeza, sama ada dijelaskan atau tidak, dan ianya digunakan sebagai tujuan untuk mengekalkan kesihatan serta untuk mencegah, mendiagnosis, memulih atau merawat penyakit fizikal dan mental. Menurut Harun (2015) pula, perubatan Tradisional Melayu mempunyai satu sistem dan pendekatan tersendiri yang lengkap dari segi konsep untuk merawat atau mengubati sesuatu penyakit, menganalisis punca ketidakseimbangan tubuh badan, amalan pantang larang berserta kaedah yang sesuai untuk mengekalkan kesihatan.

Selain itu, kaedah rawatan, ramuan dan cara membuat ubatan juga haruslah bertepatan dengan kesemua nilai masyarakat. Menurut Yunos et al. (2016) menyatakan bahawa masyarakat Melayu tradisional mempercayai bahawa binatang dan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di persekitaran dapat dimanfaatkan kehadirannya sebagai bahan penyembuh sesuatu penyakit didorong oleh kandungan khasiatnya yang tinggi. Selain itu, haiwan turut menjadi unsur perubatan yang penting kerana racun dan bisa haiwan seperti ular mempunyai penawar tertentu dalam seni perubatan serantau. Antara contoh sumber perubatan tradisional yang lain ialah alam tumbuhan, hasil bumi, dan sumber alam semula jadi. Orang Melayu dahulu kala juga mempunyai tahap pemikiran yang tinggi dalam membuat kajian berkaitan khasiat sesuatu bahan kandungan yang terdapat dalam sesuatu sumber yang dinyatakan di atas.

